



KASIH sayang dan perhatian diberikan ibu bapa membantu perkembangan positif kepada anak sindrom down.



INFO

Membantu proses penyusuan dan pemakanan anak sindrom down

- Anak sindrom down sukar menghisap, justeru, untuk merangsang tindakan menghisap susu, dokong anak dan usap bibir, lidah dan pipi mereka sebagai terapi rangsangan.
- Anak sindrom down cenderung mengalami obesiti berpunca daripada kelebihan pada organ perkumuman, jadi ibu bapa perlu pantau pemakanan anak mereka.

Jangan sembunyi anak sindrom down



Oleh Siti Nur Alimzan Arifin

TANGGAL 1 Januari lalu, penulis dikhaskan dengan berita gembira dengan kelahiran anggota baru di dalam keluarga kakak ipar. Dalam gairah ingin menjenguk anak saudara baru, saya jinjit bersama kamera dan sehelai baju untuk dihadiahkan kepadanya.

Belum sempat menatap dan merakam wajah bayi comel itu, kami diberitahu bayi seberat 2.8 kilogram itu meninggal dunia kira-kira tiga jam selepas dilahirkan akibat komplikasi pada paru-paru berkemungkinan menjadi punca si kecil itu sukar bernafas lantas lemas.

Bagi menenangkan si ibu, doktor memberitahu jika bayinya dapat diselamatkan, dia berkecimpungan akan mengalami masalah sindrom down iaitu masalah genetik yang membataskan keupayaan fizikal dan mental si anak sepanjang hayat.

Penulis yang tidak mempunyai asas di dalam bidang perubatan jadi terpinga-pinga kerana sukar mempercayai mengapa sindrom down dijadikan alasan sedangkan mereka sepatutnya meneliti kembali data kemasukan ibu berkenaan yang dimasukkan ke wad kerana air ketubannya hampir kering.

Sekali ibu yang pernah mengalami masalah sama, saya umpankan ia sebagai kes kecemasan dan kandungannya yang sudah memasuki usia 36 minggu sepatutnya boleh diselamatkan jika proses kelahiran disegerakan.

Namun, sepanjang tempoh berada di hospital kerajaan itu, dua kali prosedur pembedaan ditunda. Pertama kerana tiada bilik pembedaan kosong dan keesokan harinya, pembedaan yang dijadualkan berlangsung pada jam tujuh pagi sekali lagi ditunda bagi memberi laluan kepada kes kecemasan lain.

Selepas peristiwa itu, keluarga ipar penulis yang sedih menerima berita kematian cahaya mata kedua yang dinanti-nanti seisi keluarga akhirnya akur dan reda, malah tidak berhasrat untuk memanjangkan kes kematian bayinya.

Kes itu boleh dirujuk sebagai lambang kecetekan minda masyarakat terutama ibu bapa muda di dalam menangani kes sebegini.

dan kecekapan pegawai perubatan di hospital kerajaan juga boleh dipersoalkan.

Bagi penulis, usahlah memandang rendah keupayaan kanak-kanak sindrom down kerana sekarang, masyarakat sudah dapat menerima sepenuhnya kehadiran anak sebegini. Jika diberikan latihan dan terapi bersesuaian, anak sindrom down juga mampu berdikari.

Sempena sambutan Hari Sindrom Down Sedunia pada 21 Mac ini, penulis berkesempatan menemui pasangan ibu bapa muda yang memiliki anak sindrom down.

Semangat dan penerimaan mereka saat dikhaskan keadaan bayinya yang dilahirkan dengan masalah sindrom down terbukti kental, malah sehingga kini mereka langsung tidak pernah patah semangat.

Xenotransplant yang pernah menjadi isu kerana tiada bukti saintifik dan pengiktirafan Barat dicuba sebagai kaedah serta percubaan untuk memperbaiki ketidakupayaan motor dan minda bayi kecil mereka kepada tahap yang lebih baik sedikit daripada anak sindrom down lain.

Suntikan yang mengandungi sel stem daripada fetus arab itu dilakukan ketika usia Hani Nur Alya sebelas bulan dengan kos sebanyak RM27,000 sekali suntik. Harga yang mahal tanpa bukti sahih, namun mereka tidak ralat mengorbankan wang sebanyak itu untuk kebaikan anak tunggal mereka.

Hasilnya, Alya kini mampu bertindak balas kepada setiap pergerakan dan perkara baru yang diajar, malah doktor juga memantau perkembangan Alya menggunakan carta bayi normal sudah cukup menggembirakan hati seluruh keluarga.

Kata ibu bapa kental itu, perkembangan diri Alya bukan hanya bersandarkan kepada rawatan itu saja, tetapi anak kecil yang kelelah itu turut melalui sesi terapi dan fisiologi secara berterusan sedari kecil.

Justeru, kepada ibu bapa yang memiliki anak senasib, usahlah penat berusaha dan meletakkan keadaan anak itu sebagai suratan takdir kerana anak sindrom down atau kurang upaya sewajarnya diberikan perhatian dan terapi bagi membentuk disiplin diri serta mampu menguruskan keperluan sehari-hari sendiri.

Kerak pada belakang kuali mustahil untuk dihilangkan...



...kecuali jika disapukan sos tomato dan dibiarkan seketika sebelum dilap menjadi bersih!

**Lebarkan pengetahuan anda!
Terokai dunia Jalur Lebar!**